

EKUINAS peruntuk RM373 juta untuk penyumberan luar

PETALING JAYA 3 Sept. - Sejumlah RM373 juta telah diperuntukkan bagi pelaburan modal dalam syarikat-syarikat Malaysia berpotensi tinggi di bawah program Penyumberan Luar Tranche II Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas).

"Bersama-sama dengan jumlah terdahulu di bawah Tranche I, ia menyaksikan jumlah di bawah program itu ialah sebanyak RM925 juta.

"Tiga puluh peratus daripada jumlah itu dikumpulkan daripada modal persendirian," kata Ketua pegawai eksekutif, Datuk Abdul Rahman Ahmad pada majlis persidangan akhbar selepas pelancaran program Penyumberan Luar Tranche II Ekuinas di sini hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid



DARI kiri: Arshad Raja Tun Uda, Abdul Wahid Omar dan Abdul Rahman Ahmad pada sidang media pelancaran program Penyumberan Luar Tranche II Ekuinas di Kuala Lumpur, semalam.

Omar merasmikan acara itu. Turut hadir Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda .

Abdul Rahman berkata, Ekuinas, syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan ke-

rajaan, telah memilih empat syarikat ekuiti persendirian (PE) – TAEL Partners, RM Capital Part-

ners, Tuas Capital Partners dan CMS Opus Private Equity - bagi program Tranche II itu.

Sementara itu, Asiosons telah dipilih sebagai pengurus pengganti untuk Program Penyumberan Luar Tranche I yang telah dilancarkan terdahulu.

Di bawah program itu, Ekuinas memperuntukkan modal kepada pihak ketiga syarikat ekuiti persendirian terpilih yang kemudiannya akan mengumpulkan dana tambahan daripada pelabur swasta.

Ini mewujudkan kumpulan modal diperluaskan yang akan dilaburkan dalam syarikat bumiputera dan Malaysia berpotensi tinggi seiring dengan mandat Ekuinas untuk melaksanakan aktivitiya menerusi model perkongsian awam-swasta. -

BERNAMA